Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 7, e002396
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i7.2396

Perspektif Pengarang terhadap Barat dalam *Syair Tuan Hampris*

(The Author's Perspective on the West in Syair Tuan Hampris)

Nur Ibtisam Zulkifli[1], Rahimah Hamdan[2*]

[1]Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia.
Emel: ibtisamzulkifli@gmail.com
[2]Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia.
Emel: rahimahh@upm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Rahimah Hamdan
(rahimahh@upm.edu.my)

KATA KUNCI:
Syair
Melayu
Oksidentalisme
Syair Tuan Hampris
Wok Aisyah Nik Idris

KEYWORDS:
Syair
Malays
Occidentalism
Syair Tuan Hampris
Wok Aisyah Nik Idris

CITATION:
Nur Ibtisam Zulkifli & Rahimah Hamdan. (2023). Perspektif Pengarang terhadap Barat dalam Syair Tuan Hampris. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(7), e002396. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i7.2396

ABSTRAK

Kedatangan British ke Alam Melayu pada abad ke-19 Masihi mendapat pelbagai reaksi daripada masyarakat peribumi. Penentangan secara halus dan terang-terangan kepada kolonial British dan Belanda diluahkan dalam karya sastera yang dihasilkan. Walau bagaimanapun, terdapat satu karya yang melanggar konvensi kepengarangan tersebut. Karya yang disampaikan dalam bentuk syair bertajuk *Syair Tuan Hampris* dikarang oleh Wok Aisyah Nik Idris memaparkan perhubungan yang luar biasa antara penjajah dan masyarakat peribumi di Terengganu. Persoalannya, mengapakah pengarang wanita ini amat mengagumi tokoh Barat yang dinyatakan dalam karyanya? Mengapakan beliau amat berani menjadikan individu Barat ini sebagai tokoh yang diangkat dalam karyanya? Berteraskan kepada persoalan-persoalan ini, maka objektif kajian adalah untuk mengenal pasti perspektif pengarang terhadap penjajah dan menganalisis perspektif pengarang ini terhadap tokoh yang diangkat dalam karyanya. Dengan kaedah analisis teks, kajian ini menggunakan pendekatan Oksidentalisme menerusi 'Model Todorov: Hubungan Penjajah-Peribumi' yang berfokuskan kepada *axiological* (penilaian), *praxeological* (jalin hubungan, merapat atau menjauh), *epistemic* (pengetahuan) terhadap *Syair Tuan Hampris*. Dapatan kajian adalah wujud keterujaan pengarang terhadap penasihat British bernama J.L. Humphrey yang berjaya menawan hati raja dan masyarakat Terengganu. Secara tidak langsung, kajian ini membuktikan bahawa di sebalik kebencian dan penentangan masyarakat peribumi terhadap penjajahan Barat, masih wujud reaksi positif daripada masyarakat yang dijajah sehingga dimuatkan dalam karya sastera. Kesimpulannya, *Syair Tuan Hampris* ini berjaya memercikkan satu perspektif baharu dalam korpus kesusasteraan Melayu terutama rakaman keterbukaan peribumi menangani arus penjajahan.

ABSTRACT

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

The arrival of British to the Malay World in the 19th century received various reactions from the indigenous community. Hence, subtle and overt opposition to British colonialism was expressed in their literary works. Notwithstanding, there is one literary work that violates the convention of Malay authorship. The work presented in *Syair Tuan Hampris* composed by Wok Aisyah Nik Idris which shows the extraordinary relationship between the colonists and the indigenous people of Terengganu. The question is, why does this female author admired the Western figures as expressed in her work? How did the author developed the courage to form this foreign character in her literary work? Thus, the objective of this study is to identify the author's perspective on the colonialists and to analyse the author's perspective on the characters as mentioned in her *syair.* With the method of text analysis, this study uses the Occidentalism approach through the 'Todorov Model: Colonizer-Indigenous Relationship' which focuses on axiological (evaluation), praxeological (connecting, getting closer or further apart), epistemic (knowledge) on *Syair Tuan Hampris.* The findings illustrate the author's excitement towards the British adviser named J.L. Humphrey who managed to capture the hearts of the king and people of Terengganu. In conclusion, this *syair* successfully manifest a new perspective in the corpus of Malay literature, especially the openness of indigenous dealing with the Western colonialism.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada penerokaan baharu terhadap bentuk syair dalam Kesusasteraan Melayu. Sumbangan kajian telah menampilkan keterbukaan kepada penjajah pada abad ke-19 yang dihasilkan oleh seorang pengarang wanita (Wok Aisyah Nik Idris) pada ketika kuasa patriarki menebal dalam kehidupan masyarakat Melayu.

1. Pengenalan

Syair merupakan pancaran keintelektualan pengarang Melayu yang amat akrab dengan kehidupan yang melatari mereka. Tema yang terkandung dalam syair-syair awal Kesusasteraan Melayu berhubung dengan isu yang serius seperti falsafah dan pemahaman agama Islam. Manakala syair yang dikarang untuk tujuan hiburan hanya muncul pada abad ke-18 dan ke-19 Masihi (Overbeck, 1929: 338). Hooker (1991: 127) telah membezakan bentuk syair berbanding pantun Melayu. Menurut beliau, pantun dihadkan kepada empat baris sahaja manakala syair dengan deretan empat barisnya itu bebas menyampaikan satu naratif cerita lengkap secara bersambung-sambung, berteraskan apa yang dirasai oleh pengarangnya. Tambahan pula, kemunculan rentak, pola irama dan bahasanya menyempurnakan satu pemerian cerita dalam syair (Hooker, 1991: 130). Ini diperkuatkan oleh pendapat Muhammad Yusoff (1988: 45) bahawa irama dan dendangan dalam syair yang mengandungi cerita rakyat atau hikayat dapat menghiburkan di samping memberi kesan didaktik kepada khalayaknya. Ini menyebabkan bentuk syair terus '*evergreen*' dan mendapat permintaan yang tinggi di kebanyakan Negeri-negeri Selat seperti Pulau Pinang dan Singapura pada abad ke-19 Masihi sehingga digemari oleh pelbagai peringkat masyarakat, bangsa dan keturunan.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Pada sisi yang lain, bentuk syair turut dijadikan wahana merakamkan ketidakpuasan hati khalayak kepada penjajahan Barat di Alam Melayu terutama pada abad ke-19 Masihi. Munculnya *Syair Perang Mengkasar* serta beberapa syair yang lain membuktikan kebencian masyarakat kepada penjajahan yang banyak membawa kesengsaraan fizikal dan mental kepada masyarakat peribumi. Namun, di sebalik segala kebencian kepada kolonial yang disampaikan dalam karya sastera, terdapat satu karya yang melanggar konvensi yang sudah sedia ada dengan mengangkat Barat sebagai watak utama yang diberikan pujian. Misalnya sebuah karya bertajuk *Syair Tuan Hampris* yang ditulis oleh Wok Aisyah Nik Idris di Terengganu. Persoalannya, mengapakah pengarang wanita ini amat mengagumi tokoh yang dinyatakan dalam karyanya? Mengapakan beliau amat berani menjadikan individu Barat ini sebagai tokoh yang diangkat dalam karyanya? Berteraskan kepada persoalan-persoalan ini, maka objektif kajian adalah untuk mengenal pasti perspektif pengarang terhadap penjajah dan menganalisis perspektif pengarang ini terhadap tokoh yang diangkat dalam karyanya.

2. Sorotan Kajian dan Sepintas lalu terhadap *Syair Tuan Hampris*

Syair Tuan Hampris karangan Wok Eshah Nik Idris adalah syair yang muncul pada awal abad ke-20. Syair ini berlatarbelakangkan peristiwa perjalanan hidup seorang Penasihat British di Terengganu yang amat disenangi oleh masyarakat di situ sehingga kepulangannya ke London telah ditangisi dan dirindu oleh masyarakat tempatan. Hakikatnya, syair ini mempunyai 232 rangkap yang terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah mengenai ketokohan pemerintahan Sultan Terengganu ketika itu iaitu Sultan Zainal Abidin III. Baginda merupakan seorang sultan yang soleh dan dihormati oleh rakyat. Baginda juga merupakan sultan terakhir yang berjaya bertahan dan mengekalkan kemerdekaan Terengganu sebagai sebuah negeri yang bebas daripada pengaruh pentadbiran dan penjajahan kolonial. Bahagian kedua syair ini pula menceritakan tentang J.L Humpreys atau juga dikenali dengan Tuan Hampris, seorang pegawai tadbir kolonial Inggeris yang penting di Terengganu sepanjang tahun 1915 hingga 1925. Beliau merupakan wakil (ejen) Inggeris yang terakhir sebelum Perjanjian Terengganu-Inggeris pada 24 Mei 1919 di Singapura ditandatangani yang menukarkan status beliau daripada seorang wakil kepada penasihat. Beliau dikatakan berjaya menguasai bahasa loghat tempatan, melakukan pelbagai perubahan kemodenan infrastruktur dan turut mengambil berat tentang kebajikan masyarakat di Terengganu pada ketika beliau berkhidmat.

Realitinya, awal abad ke 20 menyaksikan Terengganu sebagai salah sebuah negeri di Tanah Melayu yang mampu bertahan daripada 'diganggu' oleh pentadbiran kolonial British (Hooker, 1991). Bermula dengan W.L. Conlay yang merupakan ejen pertama British walau awalnya tidak dipersetujui oleh Sultan Zainal Abidin III (Muhammad Yusoff, 1988). Pada tahun 1911, kerajaan Terengganu telah meluluskan undang-undang bahawa negeri itu merupakan sebuah negeri Melayu yang mengamalkan sepenuhnya agama Islam. Pernyataan ini telah menyebabkan British tidak berpuas hati dan terus mempergiat usaha untuk turut terlibat dalam urusan pentadbiran Terengganu. British akhirnya berjaya mencapai hasratnya melalui perjanjian 24 Mei 1919 yang ditandatangani oleh Sultan Muhammad anak kepada Sultan Zainal Abidin III yang seterusnya merakamkan sejarah di negeri Terengganu untuk menerima Penasihat British buat kali pertama (Muhammad Yusoff, 1988). Bermula dari sinilah episod keterujaan masyarakat Terengganu terhadap penasihat British ini menerusi tokoh J. L. Humpreys. Ini merelevankan kajian ini dlakukan terhadap *Syair Tuan Hampris* yang merupakan satu-satunya syair mengangkat tokoh Barat

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

sebagai sanjungan utama dalam karya. Apatah lagi syair ini dihasilkan oleh seorang pengarang wanita yang pada ketika itu amat terhad penglibatannya dalam dunia karang-mengarang Melayu.

Manuskrip *Syair Tuan Hampris* ini diperoleh daripada Perpustakaan Negeri Terengganu di bawah simpanan koleksi istimewa yang dihasilkan oleh pengarang wanita pada awal abad ke 20 iaitu Wok Aisyah Nik Idris. Syair ini pertama kalinya dibukukan oleh PESAKA atau lebih juga dikenali dengan Monograf Lembaga Muzium Negeri Terengganu pada tahun 1983. Walaupun syair ini telah ditransliterasikan, namun penyelidikan terhadapnya masih kurang. Kajian terhadap syair ini hanya dijalankan oleh beberapa orang pengkaji misalnya Muhammad Yusoff (1988) dan Ding (2004).

Ramlah Ab. Hamid pada 1978 cuba menunjukkan *Syair Tuan Hampris* sebagai sebuah hasil persejarahan Melayu dengan menggunakan pendekatan kaji banding dengan sumber-sumber sejarah lain (Rahimah, 2020: 4). Namun begitu, kajian yang telah dijalankan oleh beliau tidak menyentuh soal permasalahan etos pengarang dan penulisan *Syair Tuan Hampris* sekadar lanjutan tradisi persejarahan Melayu Terengganu. Selain itu, kajian oleh Muhammad Yusoff (1988) yang menjalankan proses transliterasi syair ini dan kemudian diterbitkan oleh PESAKA. Pengkaji mentransliterasikan secara keseluruhan setiap bait dan rangkap syair tersebut disertai dengan perihal latar belakang, isi kandungan, catatan sejarah syair dan sebagainya tetapi tidak membuat penyelidikan dan pengkajian yang khusus terhadap *Syair Tuan Hampris* .

Seterusnya kajian oleh Ding (2004) yang berpendapat bahawa syair ini istimewa kerana terdapat banyak perkataan dan kosa kata Inggeris di dalamnya. Perkara lain yang menarik ialah apa yang ditulis oleh pengarangnya adalah benar dan bukanlah sesuatu yang diada-adakan. Selain itu, kajian oleh Jelani (2003) menyentuh mengenai wakil Inggeris tersebut tanpa menghuraikan dengan mendalam berhubung isi dan permasalahan syair tersebut. Berdasarkan kajian-kajian lepas ini, didapati wujudnya permasalahan yang harus dirungkai terutamanya dalam konteks pandangan terhadap Barat menurut perspektif pengarangnya yang belum disentuh oleh mana-mana pengkaji sebelum ini. Selain itu, kajian ini juga akan turut merungkai apakah gambaran serta sumbangan watak kolonial Barat sehingga seorang pengarang wanita mampu mengangkat beliau dalam penulisannya. Kajian ini seterusnya akan menilai perubahan stigma yang dibawa oleh pengarang *Syair Tuan Hampris* terhadap masyarakat Barat yang terkeluar dari norma kebiasaan. Ini merelevankan dua objektif kajian dilakukan dalam kajian ini iaitu, mengenal pasti perspektif pengarang terhadap penjajah dan menganalisis perspektif pengarang terhadap tokoh yang diangkat dalam karya.

3. Metod Kajian

Kritikan pascakolonial ialah satu strategi bacaan yang bukan sekadar menghapuskan teks kanun (teks 'besar" yang lahir di Barat) dan menggantikannya dengan teks lain, malahan turut menghuraikan kandungan teks berkenaan dengan paradigma baharu, selari dengan kesedaran pascakolonial (Mohamad Saleeh, 2014: 36). Walaupun begitu, kritikan pascakolonial tidak bermakna bersifat antikolonial semata-mata (Bassnett, 1999 118). Sementara itu *anticolonial* menekankan perlawanan kaum terjajah terhadap institusi politik, ekonomi, dan budaya kolonial dalam satu corak yang jelas, pascakolonial pula mungkin turut menonjolkan sikap *ambivalens* (berbelah bahagi), yang sebenarnya sudah wujud dalam era kolonial. Sikap *ambivalens* ini muncul dalam era pascakolonial dalam

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

bentuk hibriditi (kacukan) dan mimikri (peniruan) yang menjadi karakter subjek pascakolonial (Bassnett, 1999; Mohamad Saleeh, 2014).

3.1. Model Todorov: Hubungan Penjajah-Peribumi

Bagi membincangkan bentuk penerimaan atau tanggapan peribumi terhadap barat (kolonial), pola hubungan yang diperkenalkan oleh Tzvetan Todorov sesuai digunakan. Todorov (1984) merumuskan pola yang bersifat pelbagai dimensi untuk menjelaskan bentuk hubungan antara penjajah Sepanyol dengan peribumi Amerika Latin. Menurut Todorov (1984: 40) hubungan wakil penjajah dengan peribumi tidak dibina dalam hanya satu dimensi, tetapi dalam tiga corak iaitu tahap *axiolagical* (penilaian), tahap *praxeological* (jalin hubungan. merapat dan menjauh) dan tahap *epistemic* (pengetahuan). Berikut merupakan tahap yang diperkenalkan oleh Model Todorov:

3.1.1. Tahap axiological (penilaian)

Pada tahap ini, seseorang hanya membuat penilaian (*value judgement*) tentang individu asing sama ada baik atau jahat. Penilaian itu hanya akan menghasilkan tanggapan peribadi iaitu sama ada suka atau tidak kepada individu asing dan menyifatkan individu asing setaraf mereka atau lebih rendah dari diri sendiri. Penilaian ini boleh berbentuk negatif mahupun positif tetapi tanpa usaha untuk merapatkan diri atau meniru perlakuan dan gaya hidup individu asing tersebut.

3.1.2. Tahap praxeological (jalin hubungan, merapat atau menjauh)

Pada tahap ini seseorang itu akan menggunakan teknik sama ada merapati (r*eapproachment*) atau menjarakkan (*distancing*) diri daripada individu asing. Kemungkinan seseorang itu menganut nilai individu asing atau mengidentifikasikan dirinya dengan individu asing atau sebaliknya. Selain itu, dia akan menggunakan perspektifnya untuk menilai individu asing dan mengidentifikasikan dirinya atau dengan dengan kata lainindividu asing berperanan menjadi cermin atau perbandingan untuk dia mengidentifikasikan dirinya.

3.1.3. Tahap epistemic (pengetahuan)

Tahap ini merupakan peringkat pengetahuan tentang individu asing. Justeru sebagai penyelidik, pencatat, perakam, dan sarjana, dia akan menjalankan tugasnya sebagai penulis.

Tiga corak hubungan tersebut, tahap *axiological* (penilaian), tahap *praxeological* (jalin hubungan, merapat atau menjauh), tahap *epistemic* (pengetahuan) mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Oleh itu dalam konteks Oksidentalisme sastera, seseorang pengarang boleh menjadi tegar dan kukuh dengan penentangannya pada tahap '*value judgment*', dan juga boleh memegang dua sikap iaitu menilai dan merapati (*praxeological)* atau menjadi pemerhati sahaja dari sudut kepentingan ilmu (*epistemik*).

4. Analisis dan Dapatan

Kajian ini akan meneliti berkaitan perspektif Wok Aisyah Nik Idris (selepas digelar Wok Aisyah sahaja) selaku pengarang terhadap Barat dalam *Syair Tuan Hampris* dengan mengaplikasikan prinsip Model Todorov: Hubungan Penjajah-Peribumi oleh Todorov

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

(1984) bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Namun begitu, kajian yang dijalankan tidak mengambil kesemua prinsip yang ada dalam pendekatan yang digunakan. Hal ini demikian kerana, prinsip Model Todorov yang digunakan perlu disesuaikan dengan konteks kajian yang dijalankan. Prinsip-prinsip yang diaplikasikan ini sangat bersesuaian untuk digunakan kerana berupaya memberi kefahaman dan menjelaskan dengan lebih rinci berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Secara keseluruhannya makalah ini akan merinci dengan lebih jelas tentang apakah perspektif pengarang yang terdapat dalam *Syair Tuan Hampris* karangan Wok Aishah, seorang pengarang wanita dari Terengganu. Pengkaji juga akan mengemukakan contoh-contoh rangkap syair yang memerihalkan keterujaan pengarang terhadap seorang penasihat British yang bertugas di Terengganu dan dikenali dengan J.L Humpreys.

4.1. Tahap Axiological (Penilaian)

Pada tahap ini, seseorang hanya membuat penilaian *(value judgement)* tentang individu asing sama ada baik atau jahat. Penilaian itu hanya akan menghasilkan tanggapan peribadi iaitu sama ada suka atau tidak kepada individu asing dan menyifatkan individu asing setaraf mereka atau lebih rendah dari diri sendiri. Penilaian ini boleh berbentuk negatif mahupun positif tetapi tanpa usaha untuk merapatkan diri atau meniru perlakuan dan gaya hidup individu asing tersebut (Mohamad Saleeh, 2014). Dalam konteks kajian ini, pengarang akan membuat penilaian terhadap watak Barat yang dibawa dalam *Syair Tuan Hampris* sama ada positif atau negatif. Namun begitu, setelah melakukan penelitian dalam kajian ini, penilaian positif diberikan terhadap personaliti Tuan Hampris menerusi perspektif pengarangnya Wok Aishah.

4.1.1. Penjajah dianggap Memberi Manfaat kepada Peribumi

Apabila Inggeris menduduki Tanah Melayu melalui gerakan politik pada abad ke-18, kesedaran peribumi terhadap peranan kuasa peranan kuasa besar telah berubah dan mengalami proses penjernihan. Sumbangan dan arus kemodenan serta naungan lebih jelas yang diberikan oleh Barat telah melahirkan tanggapan positif dalam kalangan peribumi terhadap Barat. Bermula dari situ, sedikit demi sedikit kaca mata peribumi telah berubah menenggelamkan pandangan yang pernah dilemparkan terhadap Barat selama ini.

Oleh itu, dalam konteks ini, penjajah telah dilihat memberi manfaat kepada peribumi semasa pemerintahan mereka. Wok Aisyah melihat dari sudut kaca mata yang berbeza dengan menggambarkan watak Barat sebagai elemen penting yang mendatangkan kebaikan dan faedah kepada masyarakat. Manfaat yang dimaksudkan di sini ialah dari segi pembangunan dan sumbangan yang telah ditinggalkan Barat ada ketikanya banyak memberi manfaat kepada orang yang dijajah khususnya kepada peribumi. Situasi ini jelas memperlihatkan bahawa Wok Aisyah melihat watak Barat bukanlah sebagai watak antagonis semata-mata tetapi lebih kepada usaha dan sumbangan mereka dalam membangunkan sesebuah kawasan. *Syair Tuan Hampris* (STH) memaparkan sudut penceritaan yang berbeza apabila Wok Aisyah menggambarkan watak Barat yang banyak memberi sumbangan yang akhirnya mendatangkan manfaat kepada peribumi sepanjang pemerintahan beliau. Hal ini dapat dilihat berdasarkan petikan berikut:

Di dalam pekan khabar pun keluar
jalan konon dibuatnya besar
serta pula membuat pasar
di situlah berjual kecil dan besar

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

(Muhammad Yusoff, 1988: 7)

Berdasarkan petikan tersebut, Wok Aisyah memberi gambaran bahawa Tuan Hampris telah mengambil langkah pertama untuk melakukan perubahan di negeri Terengganu. Dikhabarkan bermula dengan infrastruktur dan persekitaran, beliau telah membawa satu imej yang baru ke negeri tersebut. Lorong yang sempit pada suatu ketika dahulu dibesarkan dan dibangunkan menjadi sebuah pasar. Pasar tersebut akhirnya menjadi sumber pendapatan masyarakat Terengganu kerana digambarkan oleh Wok Aisyah di situlah berlakunya aktiviti jual dan beli. Manfaat daripada pembinaan pasar ini dapat dilihat berdasarkan petikan berikut:

Tiada dilanjutkan madah rencana
jalan dan pasar sudah sempurna
sekalian orang berkedai di sana
berkumpul sekalian jantan betina.

Demikianlah tuan di dalam pelihat
tadbir Terengganu punya Penasihat
jalan dan pasar sudah dibuat
mata memandang hati pun rehat

(Muhammad Yusoff, 1988: 8)

Petikan di atas jelas memperlihatkan bahawa kewujudan pasar dan jalan yang luas memberi keselesaan kepada rakyat Terengganu untuk meneruskan kehidupan. Bukan itu sahaja, Wok Aisyah turut menceritakan bahawa menjelang tahun-tahun Tuan Hampris berada di Terengganu, terdapat tiga tempat berjual-beli yang sistematik menjadi tumpuan para penduduk di negeri tersebut terutamanya di Kuala Terengganu. Tempat berjual-beli tersebut yang menjadi tumpuan adalah Kedai Hilir yang terletak berhampiran dengan Tanjung, Pasar Tanjung dan Pasar Payang yang menjadi tapak pasar besar Kuala Terengganu. Pasar-pasar tersebut digambarkan menjalankan urusan jual beli secara lambak pada awalnya iaitu tidak dibina sebarang pembahagian yang khusus menurut jenis barangan yang dijual seperti hari ini (Muhammad Yusoff, 1988).

Selain itu, Tuan Hampris turut melakukan perubahan ke atas beberapa pembangunan lain seperti pejabat Kerja Raya, dispenseri dan juga pejabat-pejabat kerajaan yang lain. Bangunan-bangunan tersebut sudah sedia ada pada awalnya, tetapi terletak di lokasi yang berbeza yang menyukarkan proses pentadbiran berlangsung pada ketika itu. Justeru, Tuan Hampris telah mengambil inisitif untuk membina semula bangunan tersebut di suatu tempat bagi membolehkan apa sahaja urusan yang melibatkan kerajaan dilakukan dengan mudah dan bersistematik. Gambaran ini boleh dilihat berdasarkan petikan berikut:

Nombor satu yang nampak jaya
lihatlah ofis Kerja Raya
dengan tadbir tuan yang mulia
dengan senang menjadikan dia.

Yang kedua cubalah lihat
dispendiri pejabat obat
sekalian itu mendatangkan sihat
kaya dan miskin senang berobat.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Yang ketiga kita pandangkan
sudah terdiri ofis-ofis kerajaan
besar dan tinggi cukup sekalian
jam yang besar pula ditaruhkan.

(Muhammad Yussof, 1988: 11)

Petikan di atas jelas memperlihatkan betapa Tuan Hampris komited dengan tugas beliau dalam memastikan Terengganu maju dan membangun selaras dengan latar zaman pada ketika itu. Beliau telah mendirikan beberapa ofis untuk kemudahan kerja pentadbiran negeri Terengganu pada ketika itu. Misalnya pejabat Kerja Raya telah dibina pejabat baru yang di tempatkan di Paya Bunga. Selain itu, pejabat-pejabat kerajaan yang dahulunya terletak di sebuah bangunan besar di sebelah istana telah dipindahkan dan diberi bangunan baru bertempat di Paya Bunga pada tahun 1942 (Muhammad Yusoff, 1988). Wok Aisyah turut menceritakan bahawa wujudnya dispensari iaitu pejabat ubat yang telah disediakan oleh kerajaan dengan lebih sistematik kerana pada awalnya hanya berfokus kepada bentuk pengubatan tradisional. Pada akhirnya dua buah dispensari iaitu di Terengganu dan juga di Kemaman (Muhammad Yusoff, 1988).

Hal ini menunjukkan bahawa berdasarkan petikan-petikan yang dikemukakan di atas jelaslah bahawa prinsip Model Todorov iaitu penjajah dianggap memberi manfaat kepada peribumi kerana watak kolonial yang diceritakan oleh Wok Aisyah, kebanyakannya memperlihatkan sumbangan watak dari segi pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain yang telah diberikan oleh watak Tuan Hampris.

Hal ini dapat dibuktikan melalui kenyataan Mohamad Saleeh (2014) yang menyatakan bahawa tidak semua perilaku penjajah dianggap sebagai negatif kerana ada ketikanya pembangunan dan kemajuan yang ditinggalkan oleh penjajah dirasakan telah memberikan manfaat yang besar kepada peribumi. Justeru, bermula dari sinilah stigma masyarakat yang menganggap Barat sebagai penceroboh tertolak kerana akhirnya sumbangan yang diberikan oleh Barat mampu mendatangkan manfaat kepada peribumi. Justeru, masyarakat seharusnya sedar untuk membezakan atau menilai sendiri sisi baik atau buruk yang dibawa oleh Barat itu sendiri. Jangan terlalu cepat untuk memberi penilaian yang tidak sewajarnya kerana tidak semua Barat yang didatangkan ke Tanah Melayu bersikap negatif semata-mata.

4.1.2. Penjajah bersimpati dengan Masalah Masyarakat

Masyarakat Terengganu pada ketika itu berhadapan dengan isu kemiskinan yang serius. Justeru, watak Tuan Hampris diceritakan oleh pengarang Wok Aisyah telah mewujudkan sistem yang bernas dan telah membawa satu perubahan ke daerah tersebut. Watak Barat digambarkan baik dan berhati mulia apabila mereka bersimpati dengan masalah masyarakat dan sentiasa cakna dengan setiap kesusahan dan penderitaan yang dialami oleh rakyat. Wok Aisyah meletakkan watak Barat sebagai individu yang bukan sahaja mampu menyumbang kepada kemajuan infrastruktur bahkan juga menyumbang kepada penyelesaian kepada masalah yang membelenggu masyarakat Terengganu pada ketika itu. Hal ini dapat dilihat berdasarkan rangkap syair di bawah:

Mengada aturan serba-serbi
daripada skim rendah dan tinggi
undang-undang pula dibuatnya lagi

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menteri, pengawal skim dibahagi

(Muhammad Yusoff, 1988: 12)

Berdasarkan petikan rangkap di atas, Tuan Hampris diceritakan telah mewujudkan satu sistem iaitu skim pekerja bagi membolehkan semua pekerja mendapat agihan sama rata dalam kalangan mereka. Perancangan yang telah dijalankan oleh Tuan Hampris secara tidak langsung telah menangani sikap prejudis masyarakat Melayu terhadap penjajah khususnya terhadap beliau sendiri dengan membuktikan bahawa kedatangan mereka bukan sekadar tindakan yang memerintah secara semberono tetapi mempunyai perancangan yang mampu mewujudkan satu sistem yang lebih terancang dan bermutu. Selain itu, Wok Aisyah turut menceritakan suatu ketika apabila Terengganu menghadapi masalah ancaman keselamatan dengan kedatangan seekor harimau yang membuat onar dan kekacauan di daerah mereka. Wok Aisyah sebagai pengarang memunculkan watak Koperal Musa, seorang polis yang terkenal dengan sifat berani, garang dan gagah telah bertindak berani dengan menawarkan diri menghapuskan harimau tersebut.

Dalam *Syair Tuan Hampris* (Muhammad Yusoff, 1988), Wok Aisyah mengetengahkan satu situasi peristiwa kedatangan seekor binatang hutan yang menggemparkan penduduk sekitar dan turut mencederakan penduduk kerana amukkannya. Berita kemunculan binatang tersebut akhirnya tersebar dan dilaporkan ke balai polis negeri. Kopral Musa atau Sarjan Musa yang terkenal dengan sifat bengis dan garang mengambil langkah untuk menembak harimau tersebut. Namun begitu, mengikut keterangan Haji Ismail Muhammad melalui Muhammad Yusoff Hashim yang bertugas sebagai Datuk Balai dan tinggal berhampiran Kedai Hilir, setelah penduduk mula gempar dengan kemunculan seekor harimau, harimau tersebut telah bersembunyi di satu rumpun buluh.

Turut diceritakan apabila Sarjan Musa sampai di tempat kejadian, beliau menghendap-hendap untuk memastikan kedudukan harimau kerana tidak jelas kelihatan kedudukannya. Ketika itulah, harimau menerkam dan menyebabkan Sarjan Musa kehilangan senjata untuk mempertahankan diri. Sarjan Musa akhirnya dilaporkan meninggal dunia akibat mempertahankan kawasan tersebut dari harimau yang mengamuk. Hal ini dapat dilihat berdasarkan rangkap di bawah:

Masa harimau masuk ke desa
banyaklah juga orang binasa
sehinggakan mati Koperal Musa
kerana hendak berbuat jasa.

(Muhammad Yusoff, 1988: 18)

Berita kematian Sarjan Musa akhirnya diketahui oleh Tuan Hampris. Beliau akhirnya berjaya menumpaskan harimau yang mengamuk dan menyebabkan rakyat sekalian berasa selamat dan kembali meneruskan kehidupan seperti biasa. Wok Aisyah sekali lagi meletakkan watak Barat sebagai penyelamat dengan mematikan watak Koperal Musa. Wok Aisyah memberi gambaran tentang peristiwa tersebut melalui rangkap berikut:

Baharulah suka rakyat sekalian
kerana lepas dari kesusahan
harimau pun mati tiada tertahan
ditembak tuan dengan perlahan.

(Muhammad Yusoff, 1988: 18)

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Petikan di atas jelas menggambarkan keadaan di mana Wok Aisyah cuba menonjolkan watak Tuan Hampris menumpaskan harimau tersebut dengan cara yang mudah berbeza dengan Koperal Musa yang terpaksa berhempas pulas menewaskan harimau tersebut. Wok Aisyah membuat penilaian bahawa tindakan yang dilakukan oleh beliau adalah bersifat positif kerana kesanggupannya menumpaskan binatang hutan yang berbahaya walaupun sanggup bergadai nyawa. Bukan itu sahaja, tindakan Tuan Hampris juga telah mewujudkan satu stigma baik dari kaca mata masyarakat Terengganu kerana telah menjaga keselamatan dan keamanan negeri tersebut. Wok Aisyah sebagai pengarang turut menjelaskan situasi bahawa kedatangan Barat bukanlah semata-mata ingin membuat onar dan pertelingkahan tetapi sebaliknya untuk memastikan negeri yang dijaga berada dalam keadaan aman sentosa.

Mohamad Saleeh (2014) menyatakan bahawa unsur Barat tidak selamanya dianggap sebagai negatif atau positif tetapi bergantung kepada pihak yang menggunakannya. Hal ini bertepatan dengan perkara yang dibincangkan apabila Wok Aisyah menganggapi watak Tuan Hampris sebagai ikon positif yang disanjung dan diangkat melalui penulisan beliau. Perkara ini boleh dilihat berdasarkan contoh-contoh yang dikemukakan. Wok Aisyah bukanlah saja-saja memberi penilaian terhadap watak Barat dengan semberono tanpa sebarang bukti tetapi diperlihatkan dengan jelas berdasarkan perwatakan serta personaliti watak Barat itu sendiri.

4.1.3. Penjajah yang Berjiwa Rakyat

Berjiwa membawa maksud mempunyai jiwa,bernyawa dan hidup. Menurut Kamus Dewan (2010: 212) berjiwa ialah bersemangat dalam melakukan sesuatu. Berjiwa rakyat pula membawa maksud seorang pemimpin yang mudah mesra dengan rakyat dan berusaha untuk mendekati dan menyelami setiap masalah yang dihadapi oleh rakyat. Pemimpin yang berjiwa rakyat kebiasaannya akan bertindak dengan pelakuan yang boleh diterima oleh kebanyakkan masyarakat kerana dari situ rakyat akan berasa selesa dan mudah menerima setiap perubahan dan perkara yang dibawa oleh mereka. *Syair Tuan Hampris,* berkisar tentang seorang pemimpin Barat yang barangkali dipandang serong oleh sesetengah masyarakat tetapi tidak bagi Wok Aisyah selaku pengarang dan kebanyakan masyarakat. Hal ini dapat dilihat berdasarkan rangkap berikut:

Demikianlah juga tuan mengerna
membalas hormat dengan sempurna
tegur dan sapa tiadalah lena
maklumlah orang bijaksana.

Sekalian pegawai berhati mesra
kepada tuan muda mengindera
kerana halus budi bicara
demikianlah saya mendengar cetera.

(Muhammad Yusoff, 1988: 8)

Berdasarkan rangkap berikut, Tuan Hampris digambarkan seorang pemimpin yang berhemah, berhati rakyat, berbudi dan banyak lagi. Di sini Wok Aisyah memberi penilaian berbentuk positif kerana keperibadian Tuan Hampris itu sendiri yang tidak angkuh dan sombong seperti kebanyakan penasihat-penasihat British yang lain. Bukan itu sahaja, Tuan Hampris turut digambarkan sedemikian walaupun beliau sudah berpindah ke daerah lain. Personaliti yang ditampilkan dalam watak Tuan Hampris telah menyebabkan beliau

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

disayangi dan diormati oleh rakyat di daerah tersebut. Justeru, sikap Tuan Hampris telah menyebabkan keberadaan dan kehadiran beliau diterima oleh sultan dan rakyat Terengganu.

Penerimaan dan penilaian terhadap Barat juga merupakan satu bentuk reaksi yang ditampilkan oleh peribumi atas faktor kerelaan seseorang itu sendiri (Mohamad Saleeh, 2014). Oleh itu dalam konteks ini, Wok Aisyah memerihalkan tentang watak Tuan Hampris dengan peribadi yang mulia bukanlah disebabkan mendapat upah atau inisiatif oleh orang Barat tetapi atas kerelaan beliau sendiri kerana sikap suka kepada watak Barat.

4.2. Tahap Praxeological (Jalin Hubungan, Merapat atau Menjauh)

Tahap ini terhasil apabila seseorang akan merapati atau menjarakkan diri daripada individu asing. Pada tahap ini akan terjadi seseorang itu akan menganut nilai individu asing atau mengidentifikasikan dirinya dengan individu asing atau sebaliknya. Corak hubungan ini berada pada tahap aksi, meniru secara fizikal iaitu penyerupaan atau menjarakkan diri secara fizikal. Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan meliliti wujudnya penyerupaan demi potensi manfaat dan penyerupaan sebahagian yang ditonjolkan melalui watak Tuan Hampris.

4.2.1. Penyerupaan Demi Potensi Manfaat

Penyerupaan demi potensi manfaat merupakan antara ciri di bawah *praxeological*. Penyerupaan membawa maksud proses atau keadaan meniru atau menyerupai sesuatu manakala potensi pula ialah kemampuan untuk mencapai, menghasilkan atau melakukan sesuatu iaitu keupayaan dan manfaat membawa maksud sesuatu yang mendatangkan kebaikan, kegunaan atau faedah atau keuntungan. Dalam konteks yang ingin dikaji olenegaran, watak yang digambarkan mengikut cara hidup peribumi demi manfaat dirinya akan tetapi watak tersebut tidak meniru seluruh cara hidup peribumi. Dengan kata lain, watak tersebut masih mengamalkan amalan mereka untuk kepentingan mereka.

Sebagai penasihat British, Tuan Hampris harus menyesuaikan diri dengan situasi atau mengamalkan cara hidup masyarakat di Terengganu. Namun begitu, disiplin masa yang telah sedia ada pada diri Tuan Hampris diaplikasikan di negeri Terengganu supaya rakyat lebih cakna dengan masa. Rangkap di bawah ada merincikan soal disiplin masa:

Jam yang besar ditaruhkan pula
ke jalan besar jarum dihala
pegawai sekalian tidak gendala
di situlah mengambil taim segala

(Muhammad Yusoff, 1988: 11)

Petikan rangkap di atas jelas menggambarkan keadaan Terengganu selepas kedatangan Tuan Hampris dengan pembinaan jam besar sebagai simbolik untuk rakyat Terengganu supaya lebih peka dengan masa. Jam ini pada dasarnya diletakkan di bangunan Setiausaha Kerajaan dan ia merupakan jam yang pertama diletak dalam bandar Kuala Terengganu bagi kegunaan orang ramai (Muhammad Yusoff, 1988). Situasi ini membawa satu stigma baru kepada masyarakat Terengganu bahawa kedatangan penjajah ada kalanya membawa kepada manfaat kepada diri mereka sendiri.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Disiplin masa sememangnya sangat penting dan harus diterapkan dalam diri setiap masyarakat dalam memastikan mereka sentiasa cakna dengan masa. Ketepatan masa mampu menjadikan seseorang untuk senantiasa bersiap sedia dalam apa jua situasi yang mereka lalui. Masa yang telah berlalu mustahil untuk mendapatkannya kembali. Justeru, dalam konteks yang ingin dibincangkan, disiplin masa yang dibawa oleh Tuan Hampris ke daerah Terengganu sedikit sebanyak telah membuka mata masyarakat untuk lebih mengambil berat tentang disiplin masa.

Hal ini jelas dapat dilihat dalam konteks penyerupaan demi potensi manfaat apabila Tuan Hampris masih mengikuti cara hidup peribumi tetapi tidak meniru secara keseluruhan dan masih mengamalkan amalan mereka untuk kepentingan mereka. Misalnya beliau masih kekal dengan sikap menepati masa untuk membolehkan proses menyiapkan sesuatu kerja dilakukan dengan cepat dan cekap. Justeru, rakyat Terengganu seharusnya mengambil iktibar dan contoh yang dibawa oleh Tuan Hampris supaya mampu memberi sumbangan kepada kemajuan negeri Terengganu.

4.2.2. Penyerupaan Sebahagian

Penyerupaan sebahagian hampir sama dengan penyerupaan demi potensi apabila berlakunya proses atau keadaan meniru atau menyerupai. Namun begitu, penyerupaan sebahagian hanya memfokuskan kepada sebahagian hal atau perkara sahaja yang ditiru oleh watak Barat. Watak Barat yang mempunyai matlamat untuk menjajah, mereka mengamalkan cara hidup peribumi. Dalam konteks ini, satu pihak berkhidmat untuk pihak yang satu lagi dan peribumi dikatakan lebih menyukai Barat kerana menjalani kehidupan seperti mereka. Misalnya dalam STH, watak Tuan Hampris diceritakan seorang yang fasih berbahasa Melayu, mengarang dalam bahasa Melayu bahkan mahir dalam membaca jawi tetapi masih mengekalkan tulisan Inggeris untuk kepentingan mereka.

Ada pun tuan muda yang handal
berbahasa melayu haram tak janggal
terlebih daripada Melayu asal
perkataannya halus lagi berfasal.

Ada pun tuan muda pelanggi
mengarang Melayu terlalu tinggi
inggeris jangan dikatakan lagi
maklum pelajaran di tempat yang tinggi.

(Muhammad Yusoff, 1988: 15)

Berdasarkan rangkap syair yang dikemukakan, Wok Aisyah menceritakan bahawa Tuan Hampris sememangnya seorang yang mahir dalam bahasa Melayu bahkan mahir mengarang dalam bahasa Melayu. Kemahiran berbahasa yang ada pada Tuan Hampris menunjukkan bahawa kedatangan beliau ke Terengganu bukanlah sekadar menjajah, memberi arahan atau memerhati tetapi beliau mendalami dan merasai sendiri budaya dan kemahiran negeri Terengganu. Kesanggupan dan kemahiran tinggi yang ada pada Tuan Hampris untuk mendalami bahasa Melayu dan Jawi telah menyebabkan sekali lagi Wok Aisyah meletakkan watak Tuan Hampris pada strata yang paling tinggi.

Wok Aisyah sebagai pengarang mewujudkan rangkap berikut untuk memberitahu kepada pembaca khususnya rakyat Terengganu bahawa kedatangan Barat sebenarnya lebih

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

membawa kepada keadaan yang menyumbang kepada daerah itu sendiri. Justeru, penyerupaan sebahagian terjadi apabila Tuan Hampris masih lagi mengekalkan bahasa ibunda beliau iaitu bahasa Inggeris bagi tujuan memudahkan beliau untuk berkomunikasi dengan pegawai British yang lain.

Bukan itu sahaja, merupakan bekas graduan dari University of Oxford di England, Tuan Hampris digambarkan seorang yang bijaksana dan mempunyai ilmu pengetahuan yang luas telah menjadikan beliau seorang yang berakal pekerti. Justeru dengan ketinggian ilmu yang ada dalam diri Tuan Hampris inilah, HWA melihat satu keadaan di mana Tuan Hampris mampu menyumbang kepada satu revolusi baharu kepada kerajaan Terengganu. Misalnya sumbangan beliau terhadap pembangunan infrastruktur dan ekonomi negeri tersebut yang dilihat semakin berkembang semenjak kedatangan beliau. Hal ini dapat dilihat berdasarkan rangkap berikut:

Pelajarannya konon di Universiti
Oxford bernama kampungnya pasti
di sanalah ilmu berganti-ganti
tempat pelajaran akal pekerti

(Muhammad Yusoff, 1988: 8)

Rangkap di atas melengkapkan lagi gambaran yang menyatakan bahawa Tuan Hampris seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dari segi sahsiah dan akademik. Muhammad Yusoff (1988) turut menceritakan serba sedikit latar belakang akademik Tuan Hampris yang pada mulanya menerima pendidikan di peringkat sekolah menengah di Bromgrove School dan kemudian menyambung lagi pelajaran beliau ke peringkat maktab iaitu di Brasenose College, Oxford University sehingga mendapat ijazah Kelas Pertama dalam jurusan 'Senior Classical Scholar' pada tahun 1904. Latar belakang pendidikan yang diterima oleh Tuan Hampris cukup menggambarkan bagaimana beliau mampu menyumbang kepada tenaga intelektual di negeri tersebut.

Pendidikan yang diterima oleh Tuan Hampris juga menyebabkan beliau lebih bijak untuk melakukan penyerupaan sebahagian kerana penyerupaan tersebut lebih disukai peribumi berbanding mereka yang hanya datang ke Tanah Melayu tetapi tidak mengambil inisiatif untuk mendalami atau menyerupai sebahagian sosial, budaya dan adat masyarakat Tanah Melayu. Todorov (1984: 24), menyatakan bahawa peribumi kebiasaannya menyukai golongan Franciscan kerana golongan ini menjalani kehidupan seperti mereka dari segi pakaian, persekitaran, makanan, tempat tinggal dan perhubungan.

4.2.3. Hubungan Erat Penjajah dan Peribumi

'Hubungan' menurut Kamus Dewan (2010: 204) ialah kaitan atau pertalian atau hasil berhubung atau ikatan dan pertalian misalnya keluarga, sahabat dan sebagainya. Erat pula bermaksud tidak mudah lepas iaitu tidak longgar atau sesuatu yang tetap dan tidak berubah atau rapat atau karib. Justeru hubungan erat membawa maksud pertalian rapat dan karib yang berlaku antara dua kelompok individu mahupun institusi.

Dalam konteks ini, pengkaji akan melihat kepada hubungan erat antara penjajah dan peribumi yang barangkali kelihatan luar biasa menurut kaca mata pembaca. Menurut Mohamad Saleeh (2014), hubungan antara mereka biasanya terjelma atas beberapa faktor

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

misalnya hubungan persahabatan, pengarang memperoleh insentif dari majikan (Barat), hubungan antara ketua dan pekerja dan sebagainya.

Bukan itu sahaja, hubungan ini kebiasaannya diwujudkan oleh penjajah kerana pada dasarnya ianya dilihat sebagai satu keperluan dan cara mereka untuk mendekati masyarakat Melayu khususnya di Terengganu. Namun begitu, faktor persekitaran pengarang juga turut menjadi faktor hubungan ini terjalin. Dalam konteks disiplin Todorov ini, pengarang akan dipengaruhi oleh zaman yang melingkunginya, sama ada dalam era naungan atau kolonial mahupun bangsa sendiri. Menurut Mohamad Saleeh (2014) dalam setiap zaman, penguasa yang menaungi pengarang akan mengawal kebebasan dan kecenderungan pengarang secara undang-undang dan hegemoni.

Di samping itu, persekitaran sosial juga turut mempengaruhi cara berfikir pengarang kerana hubungan kedua-dua pihak bersifat simbiotik iaitu saling bergantung antara satu sama lain demi faedah dan kebaikan bersama. Oleh itu, faktor persekitaran pengarang akan memperlihatkan bagaimana pengarang menghasilkan sesuatu karya berdasarkan latar belakang mereka mahupun pemerhatian mereka. Carrier (1995: 28) berpendapat bahawa seseorang pengarang tidak dapat mencipta sesuatu gagasan atau pemikiran secara individu tetapi hanya bertindak dalam operasi kesatuan dan kolektiviti.

Justeru, sesuatu yang diceritakan atau disampaikan oleh pengarang adalah dipengaruhi oleh faktor sosial yang memungkin mereka untuk menggambarkan sesuatu keadaan atau situasi. Misalnya dalam *Syair Tuan Hampris,* pengarang Wok Aisyah lahir dan dibesarkan di Kampung Teluk Pasu, Kuala Terengganu pada 1883. Pada awal abad ke-20, beliau telah mendirikan rumah tangga bersama dengan Haji Busu bin Noh yang dikenali dalam Sejarah Terengganu sebagai seorang peguam yang berasal dari Singapura.

Beliau kerap mengadakan hubungan yang rapat dengan pegawai Inggeris untuk memperoleh pendidikan dan pelajaran untuk mengatasi cabaran hidup ketika berada di Terengganu. Melalui hubungan rapat dengan pegawai-pegawai tinggi Inggeris inilah beliau berani bersuara lantang untuk menegur golongan elit Melayu melalui penanya. Oleh itu, melihat kepada kedudukan sosial keluarga Haji Busu ini telah mempengaruhi pemikiran dan cara hidup Wok Aisyah terhadap watak Barat yang digambarkan dalam karya beliau.

Menurut Muhammad Yusoff (1988) dikatakan berada dalam dua keadaan di mana keadaan pertama, sebagai seorang Melayu yang hidup dan diperbesarkan di bawah naungan Raja Melayu, beliau cuba mempertahankan identiti Melayu dengan cuba membentuk imaginasi bahawa istana Melayu Terengganu pada ketika itu masih berdiri gah dan hebat. Namun pada masa yang sama, beliau turut merasakan bahawa ada suatu kuasa asing yang tidak mungkin dapat ditolak dan dinafikan kehadirannya dalam sosio-politik Terengganu dan berasa kagum dengan kehadiran tersebut. Oleh itu, dari reaksi kagum itulah beliau akhirnya menjelmakan watak Tuan Hampris dengan sanjungan dan pujian yang secara keseluruhannya mendominasi penulisan syair beliau. Berikut merupakan antara rangkap yang menggambarkan tentang hubungan erat antara penjajah dan peribumi:

Adalah tuan yang baru sampai
menjalankan kerja terlalu pandai
bicaranya halus lagi selesai
lagipun suka bersahabat handai.

Lemah lembut barang lakunya

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Halus manis tutur bicaranya
patutlah rupa dengan namanya
sekalian memuji orang padanya.

Demikianlah konon madah rencana
tuan tu sangat bijak laksana
payah dicari barang dimana
akalnya arif lagi sempurna.

(Muhammad Yusoff, 1988: 26)

Berdasarkan beberapa rangkap yang dinyatakan di atas, Wok Aisyah menonjolkan rasa keterujaan beliau dengan memberi gambaran yang indah dan muluk kepada watak Tuan Hampris dari segi personaliti dan perwatakan yang ditunjukkan oleh beliau. Bukan itu sahaja, rentetan daripada ini juga, hubungan antara beliau dengan peribumi terjalin dari semasa ke semasa. Turut diceritakan bahawa hubungan ini meninggalkan kesan yang sangat mendalam kepada rakyat jelata kerana pemergian Tuan Hampris ke negeri lain ditangisi.

Setelah menamatkan perkhidmatan di Terengganu, beliau meneruskan tugas sebagai penasihat British di negeri Kedah dan Borneo dan Wok Aisyah masih lagi memerihalkan watak Tuan Hampris dengan jelas walaupun beliau tidak lagi menjadi penasihat British di Terengganu. Situasi ini jelas menunjukkan betapa Wok Aisyah masih lagi berjuang dengan kata-kata beliau dan tetap setia merisik khabar ketika jasadnya sudah jauh di mata. Rangkap-rangkap di bawah ada menceritakan saat Tuan Hampris di Kedah dan Borneo.

Masyhurlah khabar sekalian rata
tuan bertukar tentulah nyata
bernama Kedah negeri dikata
di sanalah konon tuan bertakhta

Tiadalah dipanjangkan kalam dan madah
Tuan Hampris berangkatlah sudah
ke negeri Borneo tuan berpindah
kisah di London hilanglah sudah.

(Muhammad Yusoff, 1988: 27)

Wok Aisyah juga menggambarkan dengan jelas peristiwa ketika Tuan Hampris berangkat pulang ke London kerana rindu beliau kepada orang tuanya. Situasi ini jelas memperlihatkan bentuk keakraban hubungan antara Tuan Hampris dan pengarang (Wok Aisyah). Walau Wok Aisyah tidak pernah berkunjung ke London, namun beliau berjaya merincikan satu persatu situasi di situ yang dikatakan bersalji putih apabila musim sejuk, salji yang menutupi bumi tebalnya dua tiga kaki serta jalan yang licin dan jernih. Oleh itu, Wok Aisyah sekali lagi membawa stigma lain bahawa kehilangan Barat merupakan sesuatu yang ditangisi dan bukanlah sesuatu yang harus diraikan kerana hubungan erat yang terjalin antara mereka. Situasi ini jelas dapat dilihat berdasarkan rangkap berikut:

Ada pun sebab dikatakan begitu
turunlah hujan macam sesuatu
amatlah putih rupanya itu
menutupi bumi kayu dan batu

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Di atas bumi salji menutupi
sehingga tebal dua tiga kaki
bekulah air di dalam perigi
di laut dan sungai apatah lagi.

(Muhammad Yusoff, 1988: 28)

Rangkap di atas menjelaskan betapa Wok Aisyah mengetahui secara terperinci tentang London walaupun tidak pernah ke sana. Situasi ini jelas menunjukkan betapa pengarang Wok Aisyah sangat menyayangi watak Tuan Hampris sehinggakan mampu menggambarkan kampung halaman beliau dengan baik dan benar sekali. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa Wok Aisyah realitinya sangat terpesona dengan personaliti Tuan Hampris watak Tuan Hampris sehingga dikarang satu syair khusus buat tokoh ini dalam iaitu, *Syair Tuan Hampris.*

4.3. Tahap Epistemic (Pengetahuan)

Penjajahan telah membentuk kebencian peribumi terhadap masyarakat penjajah. Barat dipandang sebagai kelompok jahat dan tidak berperikemanusiaan kerana tindakan mereka yang telah merampas dan menjajah Tanah Melayu. Namun begitu, persepsi ini semakin lama berubah kerana Barat tidak lagi semata-mata dengan agenda menjajah tetapi juga membawa kemajuan kepada daerah tersebut (Mohamad Saleeh, 2014). Justeru dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa faktor yang menyebabkan persepsi peribumi terhadap Barat berubah yang dilihat berdasarkan watak Tuan Hampris, seorang penasihat British di Terengganu.

4.3.1. Barat yang Mendalami Ilmu Peribumi

Mendalami ialah suatu keadaan di mana seseorang berusaha supaya mengetahui, memahami atau mengerti dengan teliti tentang sesuatu. Secara umumnya, seseorang pendatang yang tinggal di kawasan lain mestilah mendalami adat dan budaya masyarakat untuk menyesuaikan diri mereka dengan keadaan tersebut. Sama seperti penjajah yang menjalankan tugas mereka sebagai penasihat di sesuatu daerah, mereka seharusnya cakna dan tahu tentang ilmu peribumi sama ada soal adat, budaya, kebiasaan dan sebagainya bagi membolehkan mereka menjalankan tugas yang telah diamanahkan kepada mereka. Pandangan peribumi terhadap mereka yang hanya sekadar tinggal di Tanah Melayu tetapi tidak mengamalkan adat dan budaya masyarakat Melayu dilihat tidak bersungguh untuk mendalami dan bergaul dengan masyarakat Melayu. Berbeza dengan penjajah yang bersungguh melibatkan diri mereka dengan budaya dan adat resam yang bukan menjadi adat kebiasaan mereka. Tetapi pada hakikatnya masyarakat Melayu sangat suka untuk melihat orang luar suka dengan gaya hidup mereka.

Terengganu pada suatu ketika dahulu telah mewujudkan peraturan nikah-cerai yang dikenakan kepada rakyat di Terengganu tetapi hanya memfokuskan kepada beberapa daerah. Menurut Muhammad Yusoff (1988) undang-undang ini telah dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, bilamana jabatan ini telah wujud sebelum penglibatan Inggeris dalam pentadbiran Terengganu lagi dan secara umumnya jabatan ini merangkumi soal-soal memberi penerangan tentang urusan agama Islam dan perundangannya. Namun begitu, mulai tahun 1923, undang-undang pendaftaran nikah-cerai dibuat dengan diperluaskan lagi ke seluruh negeri Terengganu dan bermakna setiap pernikahan dan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

ceraian dikuatkuasa dengan akaun bertulis ataupun direkodkan. Rangkap di bawah ada merincikan soal peraturan nikah-cerai:

Di dalam aturan sangatlah kuat
cerai dan nikah mesti bersurat
repot dahulu kepada pejabat
jikalau tidak salah mendapat.

(Muhammad Yusoff, 1988: 28)

Berdasarkan rangkap di atas, Wok Aisyah menceritakan bahawa sesiapa sahaja yang ingin bernikah atau bercerai mestilah melalui surat akaun dan direkodkan di pejabat dan seandainya tidak mereka akan dikenakan tindakan undang-undang. Tuan Hampris diceritakan ikut campur dengan hal ehwal peraturan dan adat misalnya peraturan nikah-cerai seperti yang dinyatakan untuk memastikan sesuatu undang-undang atau peraturan yang diwujudkan lebih bersistem dan konsisten. Tindakan yang diambil oleh Tuan Hampris telah membantu Terengganu untuk mengorak satu langkah yang lebih maju ke hadapan berbanding daerah lain. Bukan itu sahaja, beliau juga turut mewujudkan undang-undang skim pekerja yang dibahagikan sama rata kepada menteri, pegawai dan penghulu.

Mengarang itu dengan bahasa Melayu
mengadakan aturan hilir dan hulu
undang-undang dan skim tetap selalu
kepada menteri pegawai dan penghulu.

(Muhammad Yusoff, 1988: 29)

Berdasarkan rangkap di atas, Tuan Hampris telah diceritakan membentuk satu peraturan yang melibatkan kebajikan rakyat Terengganu. Peraturan tersebut dibentuk bagi membolehkan sistem kebajikan di daerah tersebut lebih tersusun dan juga kerajaan yang cakna dengan masalah pekerja. Justeru, satu skim pekerja telah diwujudkan bukan sahaja untuk membantu mereka yang memerlukan bahkan juga menjadikan negeri tersebut bergerak dengan skim atau peraturan yang boleh memacu ke arah kemodenan dan pembangunan beraras tinggi.

Inisiatif yang diambil oleh Tuan Hampris pada ketika itu cukup untuk menggambarkan betapa beliau seorang yang sangat komited dalam menjalankan tugas. Penglibatan beliau dalam undang-undang nikah-cerai yang jauh tersasar dari budaya, adat hidup dan agama beliau serta pengenalan kepada skim pekerjaan telah menjadikan kaca mata Wok Aisyah sekali lagi tertumpu untuk menggambarkan peribadi positif Tuan Hampris. Situasi ini jelas menampakkan sisi lain Tuan Hampris yang akhirnya membolehkan masyarakat Terengganu untuk mengidolakan beliau. Mengidolakan seseorang yang bukan Islam dibolehkan dalam Islam tetapi berdasarkan tiga jenis golongannya. Justeru dalam konteks yang dibincangkan adalah dibolehkan apabila menyukai sekadar hanya kerana kepintarannya, tanggungjawab yang dimilikinya, kecantikan dan ketampannya atau hanya secara lahiriah dan tidak melibatkan agama yang dianutinya. Oleh itu, tindakan Tuan Hampris mendalami ilmu peribumi seharusnya dipuji dan diberi penghormatan kerana kesanggupan beliau untuk menyesuaikan diri dengan sesuatu yang bukan dari kebiasaan beliau.

4.3.2. Barat yang Cintakan Ilmu Pengetahuan

Cinta membawa maksud perasaan atau berperasaan sangat sayang kepada negara, orang tua, kebebasan dan lain-lain. Dalam konteks yang ingin dibincangkan, penjajah menjadi

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

penyebar ilmu dan mengekalkan diri sebagai orang yang cintakan ilmu pengetahuan serta memliki rasa ingin tahu tentang sesuatu. Plato (427 hingga 347 Sebelum Masihi) menyatakan ilmu adalah pemberian hak jasmani dan rohani dari segenap segi yang membawa kepada kesempurnaan. Ilmu juga bertujuan untuk menyampaikan manusia kepada satu taraf kesempurnaan semaksimal mungkin. Individu yang cintakan ilmu pengetahuan dipandang tinggi oleh masyarakat kerana ketinggian ilmu pengetahuannya. Mereka sentiasa mempunyai keinginan dan kehendak untuk mencuba sesuatu yang baru kerana bagi mereka ia merupakan satu keperluan.

Kajian ini melihat sumbangan Tuan Hampris kepada masyarakat menggunakan keintelektualan beliau dengan memberi manfaat kepada peribumi. Tuan Hampris telah menjadikan Terengganu sebagai sebuah negeri yang maju kehadapan dengan perubahan infrastruktur (bangunan dan jalan) serta sistem pentadbiran yang lebih sistematik. Hal ini berlaku apabila Tuan Hampris menyerapkan keintelektualan beliau yang akhirnya mendatangkan manfaat kepada peribumi.

Nombor satu yang nampak jaya
lihatlah ofis Kerja Raya
dengan tadbir tuan yang mulia
dengan senang menjadikan dia.

Di dalam masa tuan bangsawan
mahkamah dan polis beralih sekalian
di Padang Paya Bunga nama gelaran
paya yang dalam disuruh timbunkan.

(Muhammad Yusoff, 1988: 11)

Walaupun kebanyakan infrastruktur telah sedia ada sebelum kedatangan Tuan Hampris, bangunan-bangunan tersebut terletak agak berterabur dan susah untuk menjalankan urusan pentadbiran. Justeru, Tuan Hampris telah mengambil keputusan untuk membangunkan bangunan-bangunan tersebut di suatu kawasan. Bukan itu sahaja, sebuah padang diwujudkan di hadapan balai raya untuk memudahkan isi Terengganu beriadah pada waktu lapang. Padang tersebut sekarang menjadi tapak Stadium Sultan Ismail Nasirrudin Syah. Wok Aisyah turut mencirikan watak Tuan Hampris seorang yang suka beriadah bermain golf dan *cricket* di hadapan kediaman beliau di Batu Buruk.

Adapun akan tuan bangsawan
bermain golf sangat dermawan
golf cricket kedua bersamaan
selalu ke padang bermain tuan.

(Muhammad Yusoff, 1988: 6)

Berdasarkan rangkap berikut, Tuan Hampris diceritakan seorang yang handal bermain golf dan cricket kerana beliau pernah mewakili Universiti Oxford dalam sukan ini pada tahun 1903 dan 1904. Bukan sahaja seorang yang mahir dalam sukan barat, beliau juga dikatakan suka berburu apabila ada waktu lapang. Menurut Muhammad Yusoff (1988), Tuan Hampris kebiasaannya akan keluar berburu binatang buas pada hari-hari pelepasan am, biasanya di hutan Dungun, Paka, Besut dan Setiu. Selain cuti pelepasan am, beliau juga keluar berburu pada waktu petang dalam bulan puasa kerana kerja-kerja pejabat tidak begitu banyak. Tuan Hampris tidak keseorangan semasa menjalankan aktiviti berburu kerana beliau

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

ditemani oleh teman karibnya Encik Hashim Haji Mohamad Nasir. Wok Aisyah ada menyatakan situasi ini dalam rangkap berikut:

Tuan berburu terlalu suka
desa jajahan habis belaka
Setiu dan Besut perginya juga
apa entah lagi Dungun dan Paka.

Jika kelepasan hari sentosa
selalu tuan pergi temasya
berburu segala kijang dan rusa
tembak menembak sangat biasa.

(Muhammad Yusoff, 1988: 17)

Rangkap di atas jelas menunjukkan Tuan Hampris mempunyai ilmu berburu yang handal kerana keupayaan menembak yang dimiliki oleh beliau dikatakan sudah sangat biasa. Sampai ke saat ini, Wok Aisyah masih lagi menggambarkan watak Tuan Hampris yang bukan sahaja berilmu dalam pentadbiran bahkan dalam bidang kokurikulum juga. Keperibadian yang ditonjolkan oleh watak Tuan Hampris wajar diangkat oleh pengarang Wok Aisyah dan dicontohi oleh masyarakat Terengganu pada ketika itu. Hal ini sedikit sebanyak telah mengubah sedikit banyak pandangan peribumi terhadap barat yang selama ini dipersepsikan sebagai negatif dan jahat.

Keupayaan serta kemampuan yang dimiliki oleh Tuan Hampris untuk mendalami ilmu peribumi telah meletakkan satu penanda aras yang tinggi oleh masyarakat di Terengganu pada ketika itu kepada watak Tuan Hampris. Pada tahap *Epistemic*, pandangan peribumi dikatakan berubah dari tinggi kepada rendah kepada watak individu asing. Justeru, setelah menjalankan perbincangan pada tahap ini, pandangan peribumi ternyata berubah kerana penjajah suatu ketika dahulu dilihat sebagai watak antagonis yang menceroboh Tanah Melayu, yang menyeksa orang Melayu, berperang, bertelingkah dan sebagainya. Namun, penampakan watak Tuan Hampris ternyata berbeza kerana personaliti yang sedia ada dalam diri beliau dan kaca mata peribumi akhirnya berubah.

5. Kesimpulan

Kedatangan Barat ke Alam Melayu dimulai oleh Portugis pada awal 1511 telah membawa satu perspektif negatif kepada masyarakat atau peribumi Melayu. Kedudukan Tanah Melayu yang strategik sebagai 'Kepulauan Rempah' telah menyebabkan kedatangan penjajah untuk mendapatkan bahan mentah. Tambah merumitkan apabila kuasa-kuasa Barat ini turut campur tangan dalam urusan pentadbiran negeri-negeri di Tanah Melayu yang pada ketika itu dinaungi oleh raja dan sultan. Penjajahan Barat mula terlaksana secara rasminya dengan pengenalan sistem residen yang berupa satu sistem menempatkan penasihat British di setiap negeri. Sehubungan itu, Terengganu adalah antara negeri yang dipaksa akur dengan kehadiran sistem tersebut. Walau bagaimanapun, kehadiran Tuan Hampris atau nama sebenar beliau J.L Humpreys ke Terengganu telah merubah pandangan masyarakat Melayu daripada benci kepada penjajah kepada satu pengalaman manis yang terus dikenang oleh mereka.

Hubungan istimewa ini dianalisis menggunakan prinsip Model Todorov: Hubungan Penjajah-Peribumi. Prinsip yang memperlihatkan hubungan antara penjajah-peribumi ini diaplikasikan kepada *Syair Tuan Hampris* agar perspektif pengarang Wok Aisyah dapat

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dijelaskan dengan lebih telus. Berdasarkan dapatan kajian, didapati pandangan positif yang dibawa oleh Wok Aisyah dalam *Syair Tuan Hampris* (STH) adalah benar disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah hubungan yang baik antara suami pengarang iaitu Haji Busu bin Noh dengan Tuan Hampris yang membawa kepada wujudnya syair ini hasil cadangan beliau sendiri untuk memperingati jasa dan pengorbanan Tuan Hampris. Tambahan pula persepsi oleh pengarang Wok Aisyah terhadap tokoh ini digambarkan dengan jujur. Apatah lagi, kehebatan Tuan Hampris yang mampu menambat hati masyarakat Terengganu menerusi personaliti dan keterampilan beliau yang mengkagumkan masyarakat tempatan pada ketika itu. Kajian ini juga mendapati bahawa Wok Aisyah begitu menjiwai watak Tuan Hampris sehingga ke akhir khidmatnya di Tanah Melayu ini. Wok Aisyah secara tidak langsung mewujudkan satu suasana pemikiran yang baharu kepada peribumi bahawa penjajah bukanlah 'penceroboh' tetapi mampu membawa kepada kemajuan dan kemodenan di negeri jajahan. Selain itu, perwatakan Tuan Hampris yang mesra dengan masyarakat, halus tutur bicara, sopan santun membolehkan beliau disayangi dan dihormati oleh rakyat Terengganu. Akhirnya menerusi *Syair Tuan Hampris*, satu kajian perspektif baharu terhadap hubungan masyarakat dijajah dengan penjajah dapat dilakukan secara adil dan komprehensif.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Saya dengan ini mengesahkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Bassnett, S. and Trivedi, H., (eds.), (1999). *Post-Colonial Translation: Theory and Practice*. London: Routledge.

Carrier, J. G. (ed.). (1995). *Occidentalism: Images of the West*. Oxford: Clarendon Press.

Ding, Choo Ming (2004) Indexing Databases on Malay World Studies: The Critical Role of Knowledge Workers. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 22: 63-76.

Hooker, V.M. (1991). *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam.* Kuala Lumpur: DewanBahasa dan Pustaka.

Jelani Harun. (2003). *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Kamus Dewan. (2010). *Dewan Bahasa dan Pustaka*: Kuala Lumpur.

Mohamad Saleeh Rahamad. (2014). *Oksidentalisme dalam Sastera Melayu Sebelum Merdeka hingga Era Mahathir Mohamad.* Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

Muhammad Yusoff Hashim. (1988). *Persejarahan Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur : Teks Publishing Sdn. Bhd.

Rahimah Hamdan. (2020). 'Menawan Hati Melayu': Perspektif Pengarang Syair Tuan Hampris terhadap Kolonial. *International Journal of Creative Industries (IJCREI),* 2 (5): 1-15. DOI: 10.35631/IJCREI.25001.

Overbeck, H. (1929). Shaer Ta'bir Mimpi. *Journal of the Malayan Branch of Royal Asiatic Society,* 7 (2): 338-375.

Todorov, T. (1984). *The Conquest of America: The Question of the Other*. New York: Harper & Row.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).